



**MEMORANDUM BAGI PEMULANGAN
YURAN MHS (SEMESTER 1)
DAN YURAN PENGAJIAN (SEMESTER 2)
BAGI SESI 20/21**

Oleh:

**Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya
(KMUM)**

MEMORANDUM BAGI PEMULANGAN YURAN MHS DAN PENOLAKAN RM120 BAGI YURAN PENGAJIAN TAHUN 2021

Objektif

Memastikan Pihak Pentadbiran Universiti Memenuhi Janji Dalam Menjaga Kebajikan Mahasiswa Universiti Malaya.

Tuntutan / Cadangan

Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya menuntut agar pihak pentadbiran Universiti Malaya memulangkan semula yuran Minggu Haluan Siswa (MHS),

dan,

Memberikan potongan yuran sebanyak RM120 kepada semua mahasiswa Universiti Malaya bagi Semester 2 sesi 2020/2021 seperti yang dijanjikan.

Rasional Bagi Pemulangan Yuran Minggu Haluan Siswa Dan Pemotongan Yuran Pengajian Sebanyak RM120

1. Minggu Haluan Siswa (MHS) telah dijalankan sepenuhnya secara atas talian termasuklah bagi pelajar yang hadir ke kolej bagi proses pendaftaran tetapi tidak menginap di kolej kediaman. Pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah mengeluarkan satu janji di bawah inisiatif bernama UM Prihatin yang menjanjikan pulangan yuran MHS bagi pelajar yang tidak menginap di kolej kediaman semasa MHS dijalankan.
2. Pihak universiti telah mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa pengurangan Yuran Perkhidmatan Universiti sebanyak RM120.00 per semester akan diberikan kepada pelajar warganegara dan bukan warganegara bagi tiga (3) semester iaitu Semester 2 Sesi 2019/2020 serta Semester 1 & 2 Sesi 2020/2021.

Penutup

Pihak Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) berharap agar **pihak pentadbiran Universiti Malaya dapat mempertimbangkan dan memberikan perhatian yang serius terhadap tuntutan pihak Kesatuan terhadap pemulangan yuran Minggu Haluan Siswa dan pemotongan yuran pengajian sebanyak RM120 bagi Semester 2 sesi 2020/2021**. Hal ini kerana pemulangan yuran Minggu Haluan Siswa dan pemotongan yuran pengajian sebanyak RM120 ini banyak memberikan impak terhadap kebajikan mahasiswa Universiti Malaya khususnya bagi yang mempunyai masalah kewangan.